



KENANGAN...Toh Puan (tengah) merakamkan gambar kenangan bersama pasukan yang bertanding.

UMS unggul Bola Jaring Piala Toh Puan

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengungguli Kejuhanan Bola Jaring Piala Toh Puan kali ke -3, 2014 dengan menewaskan Alumni Maktab Sabah (OSCA) 14-13 dalam perlawanan akhir petang kelmarin.

Pemain UMS Dayang Anak Manggie dipilih sebagai pemain terbaik kejuhanan, manakala OSCA menerima hadiah 'Best Attire' disamping pemainnya Norsamimi Nazirah muncul sebagai penjaring terbanyak.

Pasukan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan menerima hadiah Fair Play. Sebanyak 23 pasukan mengambil bahagian dengan 300 atlet dan pengurus pasukan terlibat dalam kejuhanan selama dua hari ini.

Sementara itu, Presiden Bola Jaring Sabah (Sabana), Chenderamata Sinteh menyatakan bahawa penyertaan amat menggalakkan dari Jabatan dan Agensi kerajaan serta persatuan persatuan wanita di negeri ini termasuklah

penyertaan dari Majlis Perbandaran Sandakan.

Katanya, usaha berterusan akan yang dilakukan oleh Sabana untuk mempopularkan sukan bola jaring telah menampakkan hasilnya dengan peningkatan secara mendadak bilangan pasukan yang menyertainya tahun ini berbanding dua kejuhanan yang dilaksanakan sebelum ini.

Toh Puan Datuk Seri Panglima Hajah Norlidah Tan Sri R.M Jasni, isteri Yang DiPertua Negeri Sabah selaku Penaung Persatuan Bola Jaring Sabah berkenan menyaksikan perlawanan akhir dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang.

UMS menerima hadiah wang tunai RM1,000, piala, pingat dan sijil, tempat kedua OSCA menerima RM700, piala, pingat dan sijil, tempat ketiga Imigrezen membawa pulang RM500, piala, pingat dan sijil manakala tempat keempat BOMBA menerima RM 150 dan sijil.



KAMILAH...pasukan UMS.



PEMAIN TERBAIK.... Dayang mewakili UMS



JOHAN...Toh Puan Hajah Norlidah menyampaikan hadiah kepada pengurus pasukan UMS.



BARISAN Pegadil dan Pegawai Teknikal Sabana.